

Mengukur tahap penguasaan bahasa

Oleh **HAIRULAZIM MAHMUD**
(WARTAWAN UTUSAN)

BAHASA Melayu adalah bahasa rasmi atau bahasa kebangsaan negara seperti termaktub dalam Perlembagaan tetapi malangnya bahasa yang kita agung-agungkan itu kini menjadi perantara pilihan.

Kenapa dikatakan sebagai bahasa pilihan? Kerana bahasa Melayu bukan lagi bahasa utama yang menjadi jambatan penghubung antara kaum.

Sebaliknya di Indonesia, bahasa Melayu yang dikenali sebagai bahasa Indonesia dituturkan oleh rakyat negara yang memiliki lebih 222 juta penduduk - yang keempat paling ramai di dunia - dengan 18,110 pulau dari Irian Jaya hinggalah ke Sumatera. Dengan kata lain, ia benar-benar sebagai bahasa kebangsaan mereka.

Di mana-mana di pelosok Indonesia, kita akan mendengar rakyat republik itu bertutur bahasa Indonesia. Yang menakutkan pertuturan mereka lancar, tidak pelat atau dialek berbeza, maknanya jika kita berada di Sulawesi, bahasa Indonesia dari segi sebutannya sama dengan rakyatnya di Irian Jaya begitu juga di Flores, Bali, Sumatera apatah lagi di Jawa yang merupakan pulau utama negara jiran itu.

Timbul persoalan bagaimana republik itu boleh melahirkan bangsanya yang amat fasih dan tidak segan untuk bertutur dalam bahasa kebangsaan mereka. Dengan kata lain mereka berjaya menyatukan bangsa dengan satu bahasa sebagai elemen menyemarakkan semangat cintakan negara.

Bahasa Indonesia diperkenalkan secara

rasmi pada tahun 1945 iaitu sewaktu Indonesia mencapai kemerdekaan daripada penjajahan Belanda. Bahasa Indonesia dikatakan bahasa dinamik yang terus menyerap perkataan daripada bahasa-bahasa asing.

Tatabahasanya cukuplah mudah dan dasar-dasar penting untuk komunikasi asas dapat dipelajari hanya dalam tempoh singkat. Bahasa Indonesia merupakan bahasa pengantar untuk pendidikan di sekolah-sekolah Indonesia sama seperti bahasa Me-

Bincang

Isu bahasa kebangsaan kita sejak dulu hingga kini, sentiasa berpanjangan seolah-olah tidak ada kesudahannya. Penggunaan yang tidak menyeluruh, bahasa yang rosak khususnya pada penggunaan papan tanda dan iklan sememangnya amat meluas sehinggakan menimbulkan polemik demi polemik. Itu kita belum bincang soal pertuturan seharian yang kalau dikaji lebih banyak kerosakannya sama dari segi sebutan dan tatabahasa.

Terkini ialah apabila agensi yang dipertanggungjawabkan menjaga soal bahasa kebangsaan iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bakal diberi kuasa - yang sepatutnya telah lama 'mendapat' kuasa ini - mendenda pihak yang didapati bersalah mencemar bahasa Melayu.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim menegasakan, denda itu akan dikuatkuasakan sebaik sahaja Akta Bahasa Kebangsaan 1963 dan

Akta Pendidikan 1996 dipinda oleh pejabat Peguam Negara dan diluluskan Parlimen pada sidang yang akan bersambung selepas cuti perayaan ini.

Sudah pastinya, kuasa yang diberi itu adalah bertujuan memperkasa bahasa kebangsaan dan menjadikannya lebih dihormati oleh masyarakat.

Pastinya, DBP menyambut 'kuasa baru ini' dengan tangan terbuka kerana sebelum ini jika isu bahasa kebangsaan dipolemikan, ia pasti dikaitkan dengan ketiadaan peruntukan undang-undang untuk membolehkan DBP menyerlahkan kuasanya.

Berbalik kepada perbandingan kepetaan rakyat Indonesia berbahasa kebangsaan mereka dengan rakyat Malaysia, yang boleh dikatakan ramai terkial-kial menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan seharian.

Cuba kita renung sejenak tulisan Presiden Kelab Lions CyberCare Kuala Lumpur, Chew Hoong Ling dalam *Utusan Malaysia* baru-baru ini: "Tidak salah jika bangsa Malaysia bijak bertutur pelbagai bahasa. Kita berbangga mempunyai bakat seperti Mahadzir Lokman yang pandai berbahasa, malah dapat menguasai sehingga tujuh bahasa. Ramai juga orang Melayu dan India sekarang menghantar anak-anak mereka belajar di sekolah Cina dan sebaliknya. Rata-rata, seluruh dunia mengagumi bangsa Malaysia yang dapat berbicara menggunakan lebih daripada satu bahasa. Inilah satu lagi keunikan negara kita yang tidak dapat ditandingi oleh negara lain."

Penulis berpendapat bahawa bangsa Malaysia harus menguasai berbagai-bagai bahasa demi mencari ilmu dan pengeta-

huan yang wujud di segenap pelosok dunia yang tampil dalam bermacam-macam bahasa. Malah bangsa Malaysia nanti yang akan mendapat segala kelebihan apabila dapat menggunakan pelbagai bahasa.

Namun, bahasa kebangsaan kita tidak harus dilupakan dan jangan sesekali diperlekehkan. Siapakah bangsa Malaysia tanpa bahasa kebangsaannya? Siapakah bangsa Malaysia jika bangsa sendiri mencemar bahasa sendiri?

Jadi apa yang perlu kita lakukan sekarang ialah mengukur di tahap manakah penguasaan bahasa kebangsaan di kalangan rakyat Malaysia. Kalau peperiksaan bahasa Melayu pada setiap peperiksaan dijadikan kayu pengukur bahawa bangsa Malaysia menguasai bahasa kebangsaan, ukuran itu silap kerana yang ditulis dan yang dipertuturkan seharian amat berbeza.

Jika didapati rakyat kita tidak fasih atau tidak tahu langsung berbahasa kebangsaan, siapakah yang harus dipersalahkan? Diri sendiri, ibu bapa, guru, masyarakat, kerajaan atau sistem pendidikan negara? Atau ada pihak yang tidak faham bahawa bahasa Melayu adalah bahasa kebangsaan? Atau ada pihak lebih dangkal berpendapat menguasai bahasa Melayu akan menukarkan identiti bangsa lain seperti Cina atau India sekalipun kepada Melayu.

Penyatuan bangsa dengan bahasa tidak boleh dilakukan oleh mana-mana bangsa sekalipun hanya di atas kertas tetapi perpaduan perlu disemai, diamalkan seharian dan disemadikan ke dalam jiwa. Kemudian barulah kita boleh berbangga bahawa bahasa kebangsaan menyatukan bangsa Malaysia.